

## Jawapan 1

(25 markah)

1. Bahasa: Baharu, dialog, perbualan, percakapan.

Istilah : Segala sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad (s.a.w.) daripada perkataan, perbuatan, taqrir atau sifat samada sifat fizik atau akhlak.

(5 markah)

2. Nyatakan 3 syarat seorang yang dikira perawi adil mengikut periwayatan hadith

1. Islam.
2. Baligh.
3. Berakal.
4. Taqwa.
5. Bermaruah.

(5 markah)

3.

- Hadith semasa hayat Rasulullah (s.a.w.) adalah disekitar mendengar dan menyaksikan, kemudiannya memindahkan apa yang didengar itu dan diriwayatkan kepada orang lain.
- Para sahabat tidak sama latar belakang mereka. Ada yang memeluk Islam awal, ada yang kemudian. Malah dalam berdamping dengan Rasulullah (s.a.w.) juga tidak sama, ada yang banyak mendampingi baginda dan ada juga yang kurang, dengan itu penerimaan hadith dari Rasulullah (s.a.w.) turut berbeza, ada yang banyak dan ada pula yang sedikitnya.
- Pada zaman awal islam Rasulullah melarang untuk menulis hadith disebabkan takut bercampur dengan Al-Quran dan pada akhirnya dibenarkan.

(10 markah)

4.

- Untuk menjaga dan mengawal Hadith nabi dari bercampur aduk dengan yang lain
- Dapat mengelakkan diri dari terjebak dengan kesalahan menipu atas nama Rasulullah saw
- Dapat membezakan antara sahih dengan dhaif dan palsu
- Dapat menghalang perkara-perkara khurafat dalam agama

(5 markah)

## Jawapan 2

(25 markah)

1.

- Mursal
- Munqati'
- Mu'dhal
- Mudallas
- Muttarib
- Mudraj
- Maqlub
- Mu'al
- Musahhaf

(5 markah)

2.

Kitab sunan memuatkan hadith-hadith berkaitan fiqh dan hukum. Ia disusun mengikut susunan bab-bab dalam fiqh. Karya ini hanya memuatkan hadith-hadith marfu` sahaja dan tidak memuatkan hadith mawquf kerana hadith mawquf tidak dinamakan sunnah menurut ulama` hadith tetapi dinamakan hadith.

Contoh: Sunan Abu Dawud, Sunan Tirmizi, Sunan Nasaie dan Sunan Ibn Majah.

(5 markah)

3.

3 golongan mencipta hadith palsu.

1. Para pembid'ah yang bagi menyokong amalan bid'ah
2. Golongan Zindik yang bertujuan merosakkan islam
3. Golongan pengampu pemimpin/pihak berkuasa
4. Golongan zuhud yang melampau

(5 markah)

4.

Cara mengenali hadith palsu.

1. Pengakuan penciptanya sendiri.
2. Bertentangan dengan Al-Quran dan kaedah-kaedah agama.
3. Bertentangan dengan hadith-hadith yang sahih
4. Hadith tersebut tidak terdapat di dalam karya-karya hadith
5. Perawi dikenali sebagai pamalsu hadith
6. Ungkapan dan makna yang janggal

(5 markah)

5.

Sebab dicipta hadith-hadith maudhu' (palsu)

1. Dendam terhadap Islam dan orang Islam.
2. Perselisihan politik dan mazhab.
3. Fanatik kepada bangsa, kabilah, warna kulit dan negeri.
4. Mendorong orang ramai ke arah kebaikan dan kehidupan zuhud.
5. Memenuhi kepentingan peribadi.

(5 markah)